

# Polisi, Syarat Dan Terma Syarikat Profit Internet Solutions

*Kali Terakhir Kemaskini : April 10, 2008*

Syarikat Profit Internet Solutions (NS0035799-X) adalah syarikat sah yang berdaftar di Malaysia. Pihak syarikat mempunyai hak mutlak untuk mengubahsuai sebarang polisi yang tercatat di halaman ini pada bila - bila masa sahaja tanpa sebarang notis awal. Sebarang perubahan polisi yang dibuat adalah berdasarkan keperluan semasa yang dirasakan bersesuaian untuk diaplikasikan oleh syarikat Profit Internet Solutions.

Adalah menjadi tanggungjawab kepada semua pengguna, pelanggan dan kakitangan rangkaian syarikat Profit Internet Solutions untuk sentiasa peka terhadap sebarang perubahan polisi yang dilakukan oleh pihak syarikat.

Sebarang informasi polisi yang disediakan adalah merupakan dokument sah dan dirujuk kepada pihak guaman kami.

## Hak Cipta Terpelihara

1. Tidak dibenarkan mana - mana bahagian dalam halaman web rangkaian syarikat Profit Internet Solutions atau produk yang dibekalkan disalin, ditiru, diedar dan dicetak dalam apa jua bentuk sekalipun tanpa mendapat sebarang persetujuan dan keizinan daripada pihak syarikat Profit Internet Solutions.
2. Semua produk yang diterbitkan adalah hak milik syarikat berdaftar iaitu Profit Internet Solutions (NS0035799-X). Produk - produk keluaran syarikat Profit Internet Solutions ini terlindung dengan Hak Cipta Terpelihara Malaysia dibawah [Akta Hak Cipta 1987](#) dan mana-mana undang-undang Harta Intelek yang berkaitan di negara ini.
3. Seseengah nama, informasi, logo, imej, rekacipta, tajuk, isikandungan yang diletakkan pada halaman web dan produk keluaran Profit Internet Solutions adalah dilindungi oleh Akta Hak Cipta 1987. Sebarang penggunaan tanpa mendapat keizinan daripada pihak kami atau pihak yang terlibat dalam penglibatan penyediaan bahan - bahan tersebut, **tindakan undang - undang akan diambil dengan merujuk kepada pihak guaman syarikat.**

## **Polisi Produk Dan Perkhidmatan**

1. Semua produk **KELUARAN** syarikat Profit Internet Solutions adalah dilindungi oleh Hak Cipta Terpelihara seperti yang dinyatakan diatas dan tiada mana - mana bahagian dibenarkan disalin, ditiru, dicetak, diedar dalam apa jua bentuk sekalipun tanpa mendapat sebarang kebenaran daripada pihak syarikat.
2. Pihak kami telah sedaya upaya menyediakan informasi yang tepat namun tiada jaminan bahawa informasi ini akan sentiasa dapat digunapakai sampai bila - bila memandangkan dunia teknologi berubah dengan begitu pantas.
3. Segala produk dan perkhidmatan keluaran syarikat boleh digunapakai selagi pihak pengguna (anda) tidak melanggar mana - mana syarat dan terma syarikat Profit Internet Solutions yang menyebabkan anda kehilangan hak dan kelebihan sebagai pengguna.
4. Setiap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat mempunyai lesen penggunaan tersendiri dan anda wajib untuk memahami lesen yang dibekalkan supaya tidak kehilangan hak dan kelebihan sebagai pengguna sekiranya anda melanggar syarat dan terma lesen yang diberikan.

## **Lesen Resell Rights**

Sebarang produk yang pihak syarikat bekalkan JIKA mengandungi kenyataan lesen Resell Rights, pengguna (anda) perlu mengikut syarat dan terma yang dinyatakan dibawah ini melainkan terdapat sebarang syarat dan terma tambahan pada dokumen yang dibekalkan pada produk :

1. Anda boleh menjual ulang produk tersebut semula dengan mengikut syarat - syarat tambahan yang telah ditetapkan pada produk tersebut.
2. Anda perlu menjual ulang produk tersebut dengan **MINIMUM HARGA STANDARD** yang telah disarankan untuk mengekalkan kualiti dan harga pasaran produk. Walaubagaimanapun, tiada halangan jika anda ingin menjual produk Resell Rights ini dengan harga yang lebih tinggi daripada harga standard.
3. Anda **TIDAK BOLEH** mengubah, meniru, menyalin isikandungan yang telah disediakan melainkan terdapat fungsi "rebrander" yang disediakan oleh pemilik asal produk.
4. Anda **TIDAK BOLEH** memberikan material dan lesen Resell Rights kepada pelanggan anda yang lain. Lesen Resell Rights (Jual Semula) ini hanyalah diberikan kepada anda yang telah melanggan produk Resell Rights ini..

5. Anda TIDAK BOLEH memberikan produk Resell Rights ini secara percuma kepada mana - mana pihak melainkan dibenarkan berbuat demikian oleh pemilik asal produk.
6. Anda TIDAK BOLEH menjual produk Resell Rights ini secara pakej (bundle) kepada mana - mana pihak melainkan dibenarkan berbuat demikian oleh pemilik asal produk.
7. Anda TIDAK BOLEH menjual produk Resell Rights ini menerusi laman lelongan (auction) seperti Ebay, Lelong dan lain - lain melainkan dibenarkan berbuat demikian oleh pemilik asal produk.
8. Anda TIDAK BOLEH memasukkan produk Resell Rights ini ke dalam halaman ahli (membership) sama ada percuma atau berbayar melainkan dibenarkan berbuat demikian oleh pemilik asal produk.
9. Anda MESTI memberikan material khas untuk pembeli anda yang telah dibekalkan termasuk syarat penggunaan produk kepada mereka.
10. Sebarang informasi tambahan berkaitan lesen penggunaan haruslah dirujuk pada setiap produk yang dibekalkan.

## **Lesen Master Resell Rights**

Sebarang produk yang kami bekalkan JIKA mengandungi kenyataan lesen Master Resell Rights, anda perlu mengikut syarat dan terma yang dinyatakan dibawah ini melainkan terdapat sebarang syarat dan terma tambahan pada dokumen yang dibekalkan pada produk :

1. Anda boleh menjual ulang produk tersebut semula dengan mengikut syarat - syarat tambahan yang telah ditetapkan pada produk tersebut.
2. Anda perlu menjual ulang produk tersebut dengan MINIMUM HARGA STANDARD yang telah disarankan untuk mengekalkan kualiti dan harga pasaran produk. Walaubagaimanapun, tiada halangan jika anda ingin menjual produk Master Resell Rights ini dengan harga yang lebih tinggi daripada harga standard.
3. Anda BOLEH memberikan Lesen Resell Rights kepada pelanggan anda.
4. Anda TIDAK BOLEH mengubah, meniru, menyalin isikandungan yang telah disediakan melainkan terdapat fungsi "rebrander" yang disediakan oleh pemilik asal produk.
5. Anda TIDAK BOLEH memberikan produk Master Resell Rights ini secara percuma kepada mana - mana pihak melainkan dibenarkan berbuat demikian oleh pemilik asal produk.

6. Anda TIDAK BOLEH menjual produk Master Resell Rights ini secara pakej (bundle) kepada mana - mana pihak melainkan dibenarkan berbuat demikian oleh pemilik asal produk.
7. Anda TIDAK BOLEH menjual produk Master Resell Rights ini menerusi laman lelongan (auction) seperti Ebay, Lelong dan lain - lain melainkan dibenarkan berbuat demikian oleh pemilik asal produk.
8. Anda TIDAK BOLEH memasukkan produk Master Resell Rights ini ke dalam halaman ahli (membership) sama ada percuma atau berbayar melainkan dibenarkan berbuat demikian oleh pemilik asal produk.
9. Anda MESTI memberikan material khas untuk pembeli anda yang telah dibekalkan termasuk syarat penggunaan produk kepada mereka.
10. Sebarang informasi tambahan berkaitan lesen penggunaan haruslah dirujuk pada setiap produk yang dibekalkan.

## **Lesen Private Label Rights**

Sebarang produk yang kami bekalkan JIKA mengandungi kenyataan lesen Private Label Rights, anda perlu mengikut syarat dan terma yang dinyatakan dibawah ini melainkan terdapat sebarang syarat dan terma tambahan pada dokumen yang dibekalkan pada produk :

1. Anda boleh membuat ubahsuai, menukar nama, menaiktaraf dan lain - lain perkara lagi tanpa sebarang halangan melainkan terdapat syarat tambahan yang disediakan oleh pemilik asal.
2. Anda boleh menjual ulang produk tersebut semula dengan mengikut syarat - syarat tambahan yang telah ditetapkan pada produk tersebut seperti telah menjadikan ia sebagai produk Master Resell Rights, Resell Rights atau Personal Use.
3. Menjual ulang produk tersebut dengan MINIMUM HARGA STANDARD yang telah disarankan untuk mengekalkan kualiti dan harga pasaran produk. Walaubagaimanapun, tiada halangan jika anda ingin menjual produk ini dengan harga yang lebih tinggi daripada harga standard.
4. Anda BOLEH memberikan Lesen Master Resell Rights atau Resell Rights kepada pelanggan anda melainkan terdapat larangan pada syarat tambahan yang dibekalkan pada produk tersebut.
5. Sebarang informasi tambahan berkaitan lesen penggunaan haruslah dirujuk pada setiap produk yang dibekalkan.

## **Bonus Tawaran**

1. Semua BONUS yang ditawarkan pada setiap laman jualan kami adalah sekadar bonus sahaja. Tiada jaminan bahawa bonus yang dibekalkan akan dapat digunapakai oleh semua pengguna.
2. Sebarang permasalahan terhadap bonus adalah diluar daripada bidang kuasa kami. Oleh itu kami TIDAK AKAN SAMA SEKALI memberi sebarang bentuk bantuan terhadap bonus yang dibekalkan.
3. Sesetengah bonus yang dibekalkan adalah diupload terus daripada pembelian kami. Ini bererti tidak semua bonus tersebut telah kami gunakan dan tiada jaminan kualiti yang diberikan.
4. Pihak kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerosakan atau permasalahan yang berlaku sepanjang penggunaan bonus yang dibekalkan.
5. Bonus - bonus yang dibekalkan boleh berubah pada bila - bila masa sahaja. Pihak kami tidak akan melayan sebarang permohonan untuk mendapatkan bonus yang telah kami keluarkan daripada tawaran yang berlangsung sebelum ini.
6. Setiap bonus mempunyai LESEN PENGGUNAAN nya tersendiri. Pengguna wajib untuk akur terhadap lesen yang disediakan.

## **Agen Pemasaran / Program Affiliate**

Sesetengah laman web jualan rangkaian syarikat Profit Internet Solutions menyediakan program affiliate (Sistem Pemasaran) yang boleh disertai oleh pengguna. Berikut adalah beberapa syarat utama program affiliate yang disediakan.

1. Pendaftaran agen adalah percuma. Walaubagaimanapun, pengguna perlu mendaftar dengan membekalkan butiran yang benar dan tepat untuk mengelakkan kesulitan daripada pihak syarikat dalam proses pembayaran komisyen agen affiliate.
2. Agen pemasaran (affiliate) tidak dibenarkan untuk membuat pembelian produk yang dipromosikan menerusi link web affiliate sendiri. Jika didapati agen membuat pembelian menerusi link sendiri, komisyen tidak akan disahkan.
3. Agen pemasaran (affiliate) DILARANG KERAS melakukan aktiviti SPAM. Jika pihak syarikat menerima aduan tentang aktiviti promosi yang melanggar etika serta mengganggu privasi pihak lain (SPAM), maka tindakan keras akan diambil. Keahlian agen pemasaran akan dilucutkan dan segala komisyen yang dihasilkan akan disekat daripada dibayar.

4. Agen pemasaran (affiliate) tidak dibenarkan menyalahgunakan kandungan web serta menyalahmaksifkan produk yang dipasarkan. Promosi yang dilakukan haruslah mengikut fakta - fakta produk yang dibekalkan.
5. Jumlah komisyen yang terhasil akan dibayar pada 1 bulan selepas komisyen disahkan. Ini adalah berikutan untuk mengelakkan permasalahan "Refund" oleh pembeli yang membeli produk menerusi link pemasaran (affiliate) agen. Jika proses refund berlaku daripada pembeli produk anda, maka pihak syarikat akan membatalkan komisyen yang terhasil daripada link affiliate agen.
6. Lain - lain syarat tambahan affiliate boleh dilihat pada web jualan yang berkaitan.

## **Penafian Penggunaan**

1. Segala penerangan yang dibekalkan di dalam produk sama ada secara langsung atau tidak langsung tidak menjamin bahawa setiap pengguna akan berjaya mengikut langkah - langkah yang diberikan walaupun pihak penerbit telah memastikan segala usaha yang diberikan adalah yang terbaik.
2. Pihak kami juga tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerosakan terhadap komputer anda atau kecederaan yang anda perolehi semasa menggunakan perkhidmatan dan produk kami. Perkara ini termasuklah sama ada penggunaan mana - mana laman web rangkaian Profit Internet Solutions, serangan virus, kerosakan komputer, kecederaan pada diri, serangan penggodam, kegagalan sistem berfungsi mengikut kehendak anda.
3. Pihak kami tidak menjamin bahawa setiap rujukan dan informasi yang kami bekalkan adalah yang terbaik walaupun segala usaha telah dilaksanakan untuk memastikan material yang dibekalkan bebas dari sebarang permasalahan. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab anda sendiri untuk membuat pertimbangan serta kawalan terhadap material yang diterima.
4. Anda disarankan untuk merujuk kepada mana - mana organisasi atau badan penasihat yang bertauliah jika diperlukan.

## **Penafian Pendapatan**

1. Pihak kami tidak menjanjikan sebarang pendapatan yang akan diterima oleh pengguna dalam menggunakan mana - mana produk atau perkhidmatan kami. Semuanya adalah bergantung kepada usaha dan kerja keras pihak pengguna itu sendiri.

2. Tiada jaminan bahawa pengguna akan menerima jumlah pendapatan atau keuntungan yang sama seperti yang paparkan sama ada menerusi rangkaian laman web kami atau produk - produk kami. Pendapatan yang bakal pengguna terima adalah bergantung kepada usaha, kemahiran, dan kerja keras pengguna itu sendiri.
3. Setiap pengguna adalah bertanggungjawab keatas dirinya sendiri. Pihak kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dihadapi oleh pengguna semasa dan sepanjang penggunaan produk atau material keluaran kami.

### **Butiran Sulit, Keahlian, Pautan**

1. Sebarang butiran sulit yang khas diberikan kepada pengguna yang mendaftar bersama mana - mana produk keluaran Profit Internet Solutions adalah hak milik peribadi pengguna sendiri. Pengguna dilarang sama sekali untuk menyebarkan butiran sulit ini kepada pihak lain tanpa sebarang notis dan mendapat keizinan daripada pihak kami.
2. Maklumat keahlian seperti UserID, Password, Kod Diskaun adalah hak milik pengguna sahaja. Ia tidak boleh dikongsikan kepada pihak ketiga sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.
3. Sebarang pautan sama ada pautan (link) muat turut (download), pautan halaman rahsia, pautan halaman keahlian adalah dilarang disebarkan dalam apa jua bentuk sekalipun sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.
4. Kegagalan pengguna mematuhi privasi ini akan menyebabkan pengguna akan dikenakan pembatalan terhadap akaun miliknya dengan serta merta. Pengguna juga bakal disekat daripada untuk mendapatkan perkhidmatan, produk, bantuan dan lain - lain hal pada masa akan datang.

### **Etika Dan Tatacara**

1. Pihak kami sama sekali tidak membenarkan mana - mana bahan informasi produk, perkhidmatan dan kandungan web dipautkan atau dimasukkan ke dalam halaman web seperti : laman web lucah, laman web jenayah, laman web yang menyediakan bahan cetak rompak, laman web penggodam, laman web spam dan laman web isu politik.
2. Segala aktiviti promosi haruslah menggunakan informasi dan penerangan yang benar dan tepat tanpa sebarang unsur - unsur penipuan.

3. Pengguna tidak dibenarkan melakukan sebarang aktiviti yang boleh menyebabkan kecederaan, kerosakan dan gangguan terhadap pengguna - pengguna lain sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

## **Polisi Anti-SPAM**

1. Kami mengamalkan polisi anti SPAM. SPAM yang kami maksudkan adalah aktiviti melakukan promosi seperti menghantar email kepada pengguna tanpa kebenaran, melakukan pengiklanan di web pihak lain seperti forum tanpa etika dan menghormati pihak laman web, melakukan perkara - perkara yang mengganggu privasi pihak lain yang mana hal ini boleh menjatuhkan reputasi pihak kami.
2. Jika didapati pengguna melakukan aktiviti SPAM, tindakan tegas dan undang - undang akan diambil.
3. Pihak kami mengamalkan konsep pendaftaran "Double-OPT-IN" untuk mendapatkan butiran pengguna bagi kesemua rangkaian laman web kami. Tujuan konsep ini digunakan adalah untuk mengelakkan data SPAM serta memperolehi kebenaran yang sah daripada pengguna itu sendiri untuk kami menghantar sebarang informasi yang mereka perlukan.
4. Setiap pengguna mempunyai hak untuk keluar daripada sistem pendaftaran yang dilakukan dengan cara melakukan klik pada link "unsubscribe" yang ada pada setiap email yang dikirimkan kepada pengguna. Cara lain adalah pengguna boleh memohon daripada pihak kami supaya data dikeluarkan daripada sistem dengan memberikan informasi data seperti nama dan email.

## **Pembatalan Akaun / Keahlian**

1. Pihak kami berhak membatalkan mana - mana akses dan penggunaan produk jika terdapat pengguna yang menyalahgunakan mana - mana perkhidmatan, kandungan informasi dan produk yang dibekalkan.
2. Pihak kami juga akan mengambil tindakan menyekat mana - mana pengguna yang jika didapati bersalah menyalahgunakan perkhidmatan, kandungan informasi dan produk yang dibekalkan sekiranya mendapat aduan daripada pihak lain.
3. Pihak kami juga berhak untuk meminda dan mengubah mana - mana isikandungan halaman web, produk dan informasi yang dibekalkan tanpa sebarang notis awal.

## **Jaminan Pulangan Wang**

1. Pihak kami menyediakan jaminan pulangan wang selama 30 hari dari tempoh anda mendapatkan **PRODUK UTAMA** yang dipasarkan dan **PRODUK KELUARAN** kami sendiri.
2. Jaminan pulangan wang **TIDAK TERMASUK** terhadap bonus - bonus yang dibekalkan. Oleh itu, sebarang permohonan pulangan wang disebabkan kegagalan penggunaan tawaran bonus yang dibekalkan tidak akan dilayan sama sekali.
3. Setiap permohonan pemulangan wang haruslah disertakan bukti - bukti sah yang diperlukan seperti bukti anda mencuba produk dan arahan yang diberikan.
4. Tempoh pemulangan wang adalah 14 hari selepas permohonan anda disahkan lulus oleh pihak kami.

## **Data dan Produk**

1. Pengguna **HARUS** memuat turun sebarang produk atau data yang dibekalkan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sebarang kegagalan memuat turun dalam tempoh yang ditetapkan adalah diluar tanggungjawab kami. Kami tidak akan melayan sebarang permohonan untuk mendapatkan produk yang telah dikeluarkan dari tempoh muat turun.
2. Pengguna disarankan untuk membuat salinan (backup) untuk kegunaan sendiri untuk mengelakkan sebarang musibah yang mungkin berlaku terhadap komputer anda.
3. Sebarang kehilangan data disebabkan kecuaiian pengguna adalah diluar kawalan kami dan kami tidak akan melayan sebarang alasan untuk mendapatkan data semula.

## **Polisi Privasi**

1. Pihak kami hanya mengambil data daripada pengguna yang telah menjadi pembeli atau pengguna yang memohon untuk mendapatkan tips - tips atau bahan - bahan keluaran kami menerusi sistem "mailing list" dan juga "autoresponder".
2. Segala pembelian yang dilakukan adalah merupakan transaksi yang diyakini terjamin keselamatannya sama ada menggunakan perbankan ataupun kad

kredit. Pembelian menerusi kad kredit adalah dijalankan menerusi "secure connection".

3. Semua data yang kami terima adalah dipertahankan daripada diceroboh daripada pihak asing. Kami tidak akan sama sekali memberi, menjual atau mengedarkan data pengguna kepada pihak ketiga.
4. Rekod data pengguna yang kami perolehi hanya digunakan oleh pihak kami sendiri seperti menghantar email informasi - informasi berkaitan perniagaan dan produk yang kami pasarkan.

### **Kiriman Email / E-Zine / Newsletter**

1. Kiriman email yang dihantar oleh pihak kami kepada pengguna adalah dipohon oleh pengguna sendiri menerusi sistem mailing list dan autoresponder yang berada pada laman web rangkaian syarikat Profit Internet Solutions.
2. Setiap email yang dihantar oleh pihak syarikat mengandungi informasi - informasi yang diperlukan seperti yang dinyatakan pada laman web tersebut dan bermanfaat untuk perkongsian bersama pengguna.
3. Email yang dikirimkan juga berkemungkinan mengandungi pengiklanan, promosi dan juga apa - apa perkara yang berkaitan dengan informasi yang dipohon.
4. Pihak syarikat sama sekali tidak akan mengirimkan sebarang email yang berunsur skim cepat kaya, MLM, program jana wang, sistem ponzi, sistem derma duit, paid to read email, sistem piramid dan apa - apa jua bentuk program buat duit yang berkonsepkan "money game".
5. Pengguna boleh keluar daripada sistem mailing list dan autoresponder pada bila - bila masa sahaja menerusi link "unsubscribe" yang sentiasa disertakan pada setiap email yang terkirim.

Dengan itu, sebagai pengguna produk atau perkhidmatan daripada syarikat Profit Internet Solutions, anda tertakluk kepada syarat dan terma yang telah ditetapkan diatas.

Kegagalan untuk menepati salah satu syarat diatas boleh menyebabkan anda kehilangan hak sebagai pengguna dan kelebihan yang diberikan oleh pihak kami.

**Hubungi / Email / Surat Menyurat**

Profit Internet Solutions (NS0035799-X)

518, PD Utama, Port Dickson,

71000 Negri Sembilan Darul Khusus.

Bantuan Online : <http://support.usahaniaga.com>